

5/9/2008 (Khamis)

Kerajaan kaji tukar pinjaman negeri kepada geran bantuan

PUTRAJAYA 4 Sept. - Kerajaan Pusat akan meneliti permohonan kerajaan-kerajaan negeri untuk menukar pinjaman mereka kepada geran bantuan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, ini kerana Kerajaan Pusat sedar mengenai beban kewangan kerajaan-kerajaan negeri yang kian bertambah dan akan membuat pertimbangan sewajarnya.

"Terdapat permohonan daripada kerajaan-kerajaan negeri, sama ada dapat dirunding supaya sejumlah wang pinjaman digantikan sebagai geran daripada ia tinggal sebagai pinjaman yang tidak mudah dibayar oleh kerajaan negeri.

"Sebab sekarang ini komitmen dan tanggungjawab kewangan kian bertambah, jadi pihak Kementerian Kewangan akan mengkaji permohonan itu dan akan maklumkan nanti apa keputusan yang dapat kita buat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kewangan Negara di Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Mesyuarat tersebut dihadiri semua Menteri Besar dan Ketua Menteri kecuali Kelantan dan Sarawak, masing-masing diwakili oleh Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan negeri, Datuk Husam Musa dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Wong Soon Koh.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, tunggakan bayaran balik pinjaman kerajaan negeri sehingga 31 Disember 2007 adalah sebanyak RM3.036 bilion.

Katanya, bayaran balik pinjaman oleh kerajaan-kerajaan negeri dari tempoh 1 Januari 2008 hingga 30 Jun lalu adalah sebanyak RM87.54 juta berbanding jumlah anuiti bagi tempoh yang sama berjumlah RM274.01 juta.

"Bagi jumlah pendahuluan yang diluluskan pula, sebanyak RM420.9 juta masih belum dibayar oleh kerajaan negeri. Sehingga 15 Ogos lalu, jumlah terimaan bayaran balik pendahuluan adalah RM108.4 juta.

"Oleh itu, Kementerian Kewangan akan memantau secara berterusan untuk memastikan jumlah pinjaman dan pendahuluan dijelaskan mengikut jadual yang dipersetujui," katanya.

Selain itu beliau berkata, kementerian berkenaan memandang serius kegagalan beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan berkanun dalam menjelaskan caruman pencen Kumpulan Wang Persaraan (KWAP).

"Anggaran tunggakan caruman adalah berjumlah RM1.49 juta. Oleh itu, ketua-ketua pihak berkuasa yang terlibat diminta memberi perhatian ke atas perkara yang dibangkitkan ini," kata Perdana Menteri.



8/9/2008 (Isnin)

Atasi masalah sisa klinikal

PERSATUAN Pengguna Pulau Pinang (CAP) memandang berat terhadap penemuan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2007 mengenai kaedah yang digunakan untuk membuang sisa klinikal di hospital dan klinik yang mengejutkan.

Sisa klinikal boleh dijelaskan sebagai sebarang sisa yang terdiri sepenuhnya atau sebahagian daripada tisu manusia atau binatang, darah atau bendalir tubuh lain dan bahan kumuh lain. Ia juga boleh termasuk ubat atau produk farmaseutikal lain, kapas kesat atau pembalut, dan picagari, jarum atau peralatan tajam lain. Sisa ini boleh dihasilkan sebagai hasil prosedur perubatan seperti penyiasatan, rawatan dan penjagaan pesakit, pengambilan darah bagi pemindahan; dan juga di bidang penyelidikan atau pengajaran perubatan.

Sisa klinikal dianggap sebagai berpotensi berbahaya kepada sesiapa yang bersentuhan dengannya, melainkan ia dirawat secara sesuai. Di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, sisa klinikal disenaraikan di bawah Sisa Berjadual dan mesti disimpan, dikendali dan dibuang mengikut prosedur yang ditetapkan.

Antara penemuan yang didedahkan dalam laporan Ketua Audit Negara itu ialah sisa klinikal diisi dan dilonggok di dalam tong dram yang dilabel 'sisa domestik'; diambil bagi pembuangan dari kawasan hospital yang

menggunakan ambulans, van penumpang dan kenderaan perdagangan; dan dikendali oleh kakitangan hospital biasa dan bukannya kakitangan terlatih.

Selain itu, jarum dan objek tajam lain tidak diasingkan daripada timbunan sisa utama ataupun dibuang dengan menggunakan bekas untuk 'benda tajam', sebagaimana diwajibkan bagi semua hospital dan klinik.

Di sebuah hospital kerajaan, didapati bahawa tong dram kuning yang ditanda, digunakan bagi mengumpul sisa klinikal tidak diselenggara secara memuaskan dan hampir tidak pernah dibasuh. Memburukkan lagi keadaan, air sisa buangan itu dibiarkan mengalir masuk ke dalam longkang awam biasa, dan tidak mengikut keperluan di mana air sisa klinikal mesti dirawat terlebih dahulu.

Ketidaktetapan juga dikesan apabila ia menyentuh soal pemberian kontrak konsesi bagi pembuangan sisa klinikal. Antara pesalah yang dikenal pasti adalah hospital terkini seperti Hospital Putrajaya, Hospital Selayang, dan juga Tabung Darah Negara.

Laman web rasmi Bahagian Kejuruteraan Kementerian Kesihatan mengandungi kenyataan berikut, "Pembuangan sisa berbahaya dari hospital dan institusi penjagaan kesihatan di seluruh Malaysia telah menjadi punca kebimbangan orang awam dan rasmi sejak beberapa tahun lalu. Untuk menangani keadaan ini, skop program itu adalah untuk mewujudkan satu polisi dan garis panduan bagi pengendalian, pengangkutan dan pembuangan sisa dari hospital dan institusi penjagaan kesihatan. Selain itu, skop itu juga termasuk latihan kakitangan hospital dalam pembangunan pelan tindakan bagi pengasingan, pengendalian dan pengangkutan sisa hospital dalam hospital berkenaan dari pusat penghasilan ke pusat pengumpulan di kemudahan simpanan pusat dan pengeluaran sistem yang jelas yang akan mengesan pergerakan sisa hospital dari masa ia dihasilkan hingga masa ia dibuang."

CAP menggesa Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) supaya menjelaskan kenapa sisa klinikal masih dikendali dan dibuang mengikut cara yang bertentangan dengan peraturan, sedangkan masalah itu telah pun dikenal pasti sejak beberapa tahun lalu.

Selain itu, CAP menggesa kerajaan supaya memaklumkan kepada orang awam mengenai tindakan undang-undang yang akan diambil ke atas pesalah di hospital terbabit dan institusi kesihatan di seluruh negara yang telah melanggar undang-undang berhubung dengan pengendalian sisa klinikal yang berpotensi berbahaya.

S.M. MOHAMED IDRIS

Presiden CAP



8/9/2008 (Selasa)

Malaysia mampu bekalkan komoditi berkualiti tinggi kepada EU

KUALA LUMPUR 7 Sept. - Misi Bersama Peringkat Menteri ke Eropah selama sembilan hari yang dijadualkan minggu ini menandakan komitmen dan azam Malaysia menawarkan komoditi bermutu tinggi terutama minyak sawit dan kayu kepada pasaran Eropah.

Duta dan Ketua Perwakilan Suruhanjaya Eropah (EC) di Malaysia, Vincent Piket berkata, pasaran pengguna EU semakin memandang berat tentang alam sekitar dan impak sosial daripada eksploitasi sumber-sumber alam.

Justeru itu, lawatan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui ke EU menunjukkan keupayaan Malaysia yang semakin meningkat untuk membekalkan komoditi bernilai tinggi dan dihasilkan secara mampan, kepada pasaran EU, katanya di sini hari ini.

Piket berkata demikian sebagai reaksi kepada laporan bahawa menteri itu akan mengetuai Misi Bersama Peringkat Menteri ke Eropah, merangkumi The Hague, Brussels dan London dari 7 hingga 15 September ini.

Susulan kebimbangan tentang alam sekitar, EU mengadakan dasar mencegah perubahan iklim, mengurangkan lepasan gas rumah hijau, mencapai pembangunan mampan, memastikan jaminan tenaga, dan merealisasi Strategi Lisbonnya yang, antara lain, memerlukan EU memastikan pertumbuhan ekonomi dipisahkan daripada penggunaan sumber alam.

Masyarakat Eropah telah lama menyedari keperluan menggalakkan lagi tenaga boleh diperbaharui memandangkan penggunaannya menyumbang kepada usaha mengurangkan perubahan iklim melalui pengurangan lepasan gas rumah hijau, pembangunan mampan, jaminan bekalan dan pembangunan industri berasaskan pengetahuan yang menjana peluang pekerjaan, pertumbuhan ekonomi, keberdayasaingan serta pembangunan wilayah dan luar bandar.

Sementara itu, misi yang dianjurkan bersama oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC), bertujuan menangani pelbagai isu berhubung minyak sawit dan kayu Malaysia bersama dengan pihak-pihak berkepentingan di Eropah.

Chin dijadual mengadakan beberapa majlis dialog dan pertemuan dengan Ahli Parlimen EU, Suruhanjaya Eropah (EC), Lembaga Biodiesel Eropah dan beberapa wakil utama EU yang lain.

Hutan di seluruh dunia menghadapi permintaan yang semakin meningkat apabila persaingan antara sektor tradisi yang menggunakan kayu dan biotenaga semakin sengit. Di samping itu, tuduhan-tuduhan tentang penggunaan sumber alam secara tidak mampan semakin lumrah. Malaysia juga tidak terkecuali.

Bagaimanapun, Chin telah berkali-kali menegaskan bahawa Malaysia tidak memusnahkan hutan hujan bagi pengeluaran minyak sawit.

"Kita tidak menebang hutan hujan bagi penanaman kelapa sawit sejak 10 tahun lalu. Kita memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan pengeluaran minyak sawit melalui peningkatan produktiviti dengan menggantikan pokok sawit lama dengan klon baru yang tinggi hasilnya dan mengguna pakai amalan agronomik yang baik. Justeru itu, pengeluaran kita adalah mampan," tegas beliau baru-baru ini.



8/9/2008 (Isnin)

Universiti Apex cetus budaya baru

Oleh MOHAMAD ABDULLAH

Dr. Rashidah Abdul Rahim, pensyarah dan penyelidik muda yang pernah menjalankan ekspedisi penyelidikan Antartika bercerita dengan penuh semangat betapa seronoknya bekerja dengan seorang profesor mikrobiologi dari Universiti Hawaii, Dr. Maqsudul Alam yang juga Pengarah Pakar Genomik, Proteomik dan Bioinformatik universiti tersebut.

Dr. Maqsudul, tokoh akademik terkemuka dunia berada di negara ini kerana membantu Universiti Sains Malaysia (USM) dalam melaksanakan projek Sains@USM, iaitu sebuah taman penyelidikan yang menggabungkan elemen sains dan sastera yang dilancarkan baru-baru ini.

Kata Rashidah, budaya kerjanya yang amat berbeza, bergerak pantas, cepat membuat keputusan dan tidak suka hal remeh-temeh yang membuang masa, malah pendekatannya dalam menggerakkan seluruh tenaga penyelidik amat luar biasa. Ia menuntut komitmen tinggi dan luar biasa.

"Ia malah mencetuskan satu pendekatan baru dan budaya penyelidikan yang segar dan mampu membawa kita jauh ke hadapan tanpa membuang masa kepada hal-hal yang tidak kena mengena dengan akademik, apatah lagi proses kerja yang lambat dan mengganggu usaha yang dilakukan," tambahnya lagi.

Pandangan tersebut mewakili hasrat sebenar di sebalik usaha transformasi pengajian tinggi di negara ini ke tahap yang jauh ke hadapan.

Perdana Menteri mengumumkan tentang program Apex atau *Accelerated Program for Excellence* ini kira-kira setahun lalu. Universiti yang dipilih diharap dapat bersaing dengan universiti-universiti terkemuka dunia dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin telah pun mengumumkan pemilihan USM sebagai universiti pertama untuk menjadi universiti Apex. Ini adalah satu tanggungjawab yang besar dan berat untuk digalas.

Cadangan untuk USM mengambil bahagian dalam universiti Apex ini telah bermula sejak bulan Mac lalu apabila sebuah pasukan yang diterajui Naib Canselor dengan keanggotaan di kalangan pelbagai lapisan warga USM telah bersengkang mata sehinggalah terhasilnya buku *Transforming Higher Education for a Sustainable Tomorrow* yang menjadi pelan dasar pelaksanaan Projek universiti Apex USM.

Perkara utama yang ditekankan oleh pasukan yang digelar 'Pasukan Impian' atau *Dream Team* ini ialah melonjakkan pengajian tinggi negara dalam semua aspek ke tahap yang jauh lebih tinggi. Hasratnya ialah bukan untuk bersaing, tetapi untuk memberikan sumbangan bermakna dalam kehidupan umat manusia seluruhnya.

Universiti negara ini tidak seharusnya hanya cuba meniru mana-mana model universiti luar kerana seperti kata W. Chan Kim, penulis bersama buku *Blue Ocean Strategy* dalam *Jakarta Post*, 25 Oktober 2007, kita tidak mungkin berupaya untuk meniru orang lain dan berada di hadapan.

Sebaliknya, seperti mana saranan *Blue Ocean Strategy*, kita perlu mencipta gelombang sendiri yang berupaya untuk membangunkan persaingan baru

dan yang terpenting dapat memberikan faedah kepada umat manusia, bukan sahaja di negara ini malah di dunia keseluruhannya.

USM telah memulakan usaha untuk mengajak warganya menghayati nilai-nilai universal, terutamanya yang berkait rapat dengan alam sekitar dan kelestarian sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Antara usahanya ialah memperkenalkan Program Kampus Sejahtera yang mementingkan semangat kesukarelaan dengan menggabungkan kepakaran pensyarah dengan kerja-kerja warga lainnya untuk pelbagai hal yang berkait rapat dengan kesejahteraan bersama.

Begitu juga dengan usaha memperkenalkan konsep Kampus dalam Taman yang meminta semua pihak menghargai persekitaran dan belajar dari alam kurniaan Tuhan.

Kemudiannya apatah Perdana Menteri menyarankan agar dilakukan revolusi pendidikan dalam pengajian tinggi, maka USM turut serta dengan menyediakan Perancangan Senario untuk melihat kedudukan dan masa depan USM. Pada tahun lalu pula USM diiktiraf sebagai satu dari empat buah Universiti Penyelidikan negara.

Usaha yang dilakukan bukan sekadar melihat universiti sebagai tempat menimba ilmu kepada anak-anak muda, tetapi dapat mereka cipta, menginovasi serta menjana dan menggerakkan kekuatan minda yang ada untuk membangunkan satu tamadun yang bermakna dan memastikan kelangsungan hidup umat manusia pada masa depan.

Selama ini kita banyak abaikan kumpulan terbanyak yang dilabel sebagai *bottom of the pyramid* di seluruh ceruk rantau dunia. Sesetengah kita melihat universiti sebagai sebuah sekolah yang hanya mengajar atau sekadar kilang yang mengeluarkan tenaga pekerja untuk industri dan sektor pekerjaan lain.

Perkongsian ilmu seperti inilah misalnya yang membawa kepada Penyelidikan Haji dan Projek Pisang yang telah memberikan kesan kepada masyarakat setempat mahu pun dunia seluruhnya. Penghasilan kit-kit kesihatan memberi impak besar di negara-negara kurang maju dan miskin di seluruh dunia.

Agak malang apabila universiti sering dijadikan sendaan oleh sesetengah pihak dan mengharapkan untuk menggunakan anak muda di universiti waima pensyarahnya sebagai bahan untuk tujuan tertentu yang tidak selari

dengan pembangunan akademik, intelek mahu pun akal budi yang dibangunkan.

Universiti sangat kompleks dan rencam sifatnya. Universiti berada dalam lingkungan keperluan pembangunan intelektual dan pembangunan negara dalam konteks ilmu dan memajukan budaya ilmu dalam masyarakat untuk melahirkan sumber manusia yang boleh menyumbang kepada masyarakat dan negaranya dengan berhemah, bukan sekadar pandai menuding jari dan mencari salah orang lain. Kerana persepsi terhadap universiti perlu diperbetulkan.

Universiti perlu diberikan kelonggaran dan kebebasan untuk menerokai cakerawala ilmu yang cepat berubah. Universiti Apex ini memerlukan autonomi untuk melaksanakan hala tuju bagi membolehkan universiti bergerak mengikut keperluan akademiknya.

Mungkin kebebasan mutlak bunyinya keterlaluan, namun paling tidak memberikan kebebasan dalam hal-hal utama akademik, termasuk pelantikan tenaga pakar. Begitu juga dengan peraturan untuk bertindak terhadap mereka yang masih leka dengan budaya lama, berada dalam kepompong sendiri atau tidak selari dengan budaya baru organisasi.

Demikian juga hal dalam soal pengurusan kewangan, kenaikan pangkat, kebebasan berfikir, berhujah dan hal-hal lain. Autonomi yang diberi haruslah dalam lingkungan keutuhan integriti pentadbiran dan pengurusan, sikap tanggungjawab dan amanah serta hal-hal lain yang perlu dilakukan dengan cekap dan berkesan. Ini termasuk juga dalam hal-hal yang berkaitan sistem penyampaian, kemudahan dan kebajikan pelajar serta lain-lain lagi.

Autonomi yang diberi akan mempercepat usaha yang dilakukan. Pentadbir universiti harus memikirkan bagaimana untuk melakukan perubahan budaya kerja dengan berkesan dan cemerlang. Begitu juga dalam mempercepat proses membuat keputusan, proses mendapatkan kakitangan terutamanya yang berkaitan dengan kepakaran, mempercepat proses kemasukan pelajar dan ekspatriat, penggajian dan ganjaran, tindakan disiplin dan tata tertib, perundingan hatta hal-hal yang berkaitan dengan harta intelek dan perkongsian hak dengan pihak industri serta perundangan dan keperluan lain yang berkaitan.

Ia juga berkait rapat dengan perubahan budaya kerja penyelidikan konvensional universiti yang begitu banyak terikat dengan peraturan-peraturan dan hal-hal yang kerap kali menimbulkan kekecewaan kepada para penyelidik. Semua ini melibatkan pelbagai pihak dalaman mahu pun kawalan luar yang sering dianggap sebagai kekangan.

Tentu sahaja ia harus bermula dari dalaman dengan sokongan padu pihak lain yang berkaitan, termasuk semua yang mempunyai kepentingan dengan universiti. Pentadbir dan pengurus universiti harus berupaya keluar dari pemikiran lama dan berusaha membuka pemikiran baru, dengan berfikir di luar kotak seperti yang sering disarankan oleh pelbagai pihak.

Peraturan-peraturan lama yang melambatkan proses kerja, prosedur yang menyekat kecemerlangan, hal-hal yang hanya bersifat emosi segelintir orang dan lain-lain perlu dilupuskan.

Universiti perlu memberi tumpuan kepada isu-isu dan agenda sejagat yang boleh membentuk gagasan dan tamadun besar untuk faedah manusia dan alam.

Cabarannya ialah bagaimana universiti dapat berperanan dan membantu mengetengahkan malah membudayakan isu-isu yang utama ini secara berterusan. Bukan sahaja fokusnya kepada isu, tetapi penerapan nilai-nilai sejagat dalam aktiviti pelajar, penyelidikan mahu pun pembudayaan warga kampus terhadap nilai-nilai positif yang dapat dikongsi bersama bermula dari kampus universiti membawa ke alam pekerjaan atau dalam menzahirkan budaya reka cipta yang kreatif untuk faedah manusia dan kemanusiaan sejagat.

Budaya penyelidikan baru seperti mana harapan Dr. Rashidah, tentu juga menjadi harapan semua penyelidik negara untuk bersama-sama keluar dari pemikiran yang sedia ada. Budaya yang sudah mula hidup subur ini tidak harus terhenti, malah harus didorong untuk terus kembang mekar.

Lebih ramai lagi pakar dan profesor luar harus dibawa masuk, termasuk mereka yang dinobatkan sebagai penerima Nobel Laureate dalam pelbagai kepakaran. Sikap profesional dan budaya kerja mereka dalam membangunkan pasukan penyelidik yang kuat dalam pelbagai disiplin ilmu tanpa sebarang batas halangan perlu dicontohi.

Universiti tidak harus dilihat sebagai menara gading atau tempat sekadar menimba ilmu kepada anak muda, malah harus berupaya membentuk keseluruhan proses kerja yang dapat melonjakkan kita ke tahap yang jauh ke hadapan.

Universiti Apex tentunya tidak bertunjang kepada kekuatan sejarah dan masa lalunya semata-mata, sebaliknya melihat masa depan yang memerlukan pemikiran dan gagasan besar jika kita ingin melihat universiti terus relevan dan berdaya saing serta sesuai dengan lakaran masa depan dunia seluruhnya.

Sewajarnya semua pihak menyokong pemilihan yang dibuat demi untuk negara seluruhnya. Ini bukan kejayaan USM semata-mata, tetapi kejayaan semua yang ingin melihat lonjakan pengajian tinggi negara. Pandangan dan saranan malah turut serta dalam proses kerja oleh pelbagai pihak penting bagi memastikan USM terus mencapai hasratnya.

Kejayaan projek universiti Apex USM bergantung rapat kepada kesediaan seluruh warganya terus bekerja keras, berkorban dan melakukan apa sahaja yang perlu. Kejayaan mencapai universiti Apex adalah milik semua warganya, mahasiswa mahu pun warga kerja lainnya.



8/9/2008 (Isnin)

MRR2 dibuka, dijamin selamat

Oleh WAN SYAMSUL AMLY WAN SEADEY



MOHD. Zin Mohamed (dua dari kiri) diiringi Ketua Pengarah JKR, Prof Ir. Judin Abdul Karim (kiri) dan Timbalan Ketua Pengarah III JKR, Ir. P. Selvanayagam melawat tempat kerja-kerja pembaikan tiang rasuk jejambatan MRR2 di Kepong, semalam.

KUALA LUMPUR 7 Sept. - Kerajaan

mengesahkan Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) yang kembali dibuka hari ini selamat digunakan dengan jaminan tahap keselamatan keenam-enam lorongnya akan diperiksa setiap hari.

Menteri Kerja Raya, Datuk Ir. Mohd. Zin Mohamed berkata, siasatan yang dilakukan Pasukan Petugas Kementerian Kerja Raya bersama jururunding dari Jerman, Leonhardt, Andre and Partner (LAP) mendapati tiada lagi kerosakan pada struktur tiang jejambat itu.

"MRR2 dibuka semula hari ini. Ia disahkan selamat walaupun 18 batang *carbon fibre reinforced plastic* (CFRP) prategasan yang dipasang pada tiang 28, putus pada 3 Ogos lalu.

"Kita telah mengkaji reka bentuk jejambat itu untuk mengenal pasti punca dan memastikan rasuk baru mampu menanggung beban jalan serta membandingkan tahap penggunaan pada 2006 dengan semasa berlaku kejadian tempoh hari," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melawat tempat kerja pembaikan tiang 28 MRR2 di Kepong dilakukan, di sini hari ini.

Turut mengiringi Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR), Prof. Ir. Judin Abdul Karim dan Timbalan Ketua Pengarah III JKR, Ir. P. Selvanayagam.

Awal Ogos lalu, beberapa pemandu melaporkan mereka ternampak batu jatuh dari salah satu rasuk jejambat itu dekat Stesen Komuter Kepong.

Selepas pemeriksaan, keretakan dikesan pada salah satu rasuk tiang jejambat itu.

Tiga daripada 18 batang CFRP prategasan yang dipasang pada struktur itu pula didapati putus secara tiba-tiba.

Jelas Mohd. Zin, hasil siasatan mendapati tiga daripada tiang gentian karbon yang dipasang itu menjadi punca konkrit menanggung lebihan beban tekanan.

"Namun semua pertambahan tekanan itu masih di bawah had yang dibenarkan.

"Ini menunjukkan kerosakan baru-baru ini tidak menjejaskan struktur jejambat berkenaan dan ia kini benar-benar selamat untuk digunakan," ujarnya.

Tambahnya, kajian itu turut dilakukan terhadap 36 tiang jejambat lain dan tiada sebarang kerosakan ketara ditemui.

"LAP juga telah mengambil contoh CFRP yang putus dan dihantar ke Jerman untuk siasatan lanjut mengenai kelemahannya. "Kita juga minta pembekal bahan ini (tiang gentian karbon) dari Switzerland untuk mengemukakan laporan mengenainya," jelasnya.

Ditanya tentang kos pembaikan struktur tiang jejambat itu, Mohd. Zin berkata, semuanya akan ditanggung kontraktor asal iaitu Bridgex Sdn. Bhd.

"Kontraktor asal akan tanggung semuanya. Ia masih dalam jaminan kontraktor asal sehingga 9 November tahun ini," katanya.



9/9/2008 (Selasa)

Tempahan hotel bajet kembali rancak

LANGKAWI Hotel-hotel bajet di Langkawi kembali rancak menerima tempahan daripada jabatan dan agensi kerajaan bagi mengadakan kursus atau seminar ekoran penarikan balik arahan kerajaan melarang kursus untuk kakitangan awam diadakan di hotel. Setiausaha badan bertindak hotel bajet Langkawi, Kamaruddin Saad berkata, kesemua 31 hotel bajet menerima tempahan dan kebanyakannya bermula pada bulan depan.

"Terdapat juga sesetengah hotel menerima tempahan untuk penganjuran kursus mulai minggu depan dari negeri Perak dan Perlis," katanya di sini semalam.

Sebelum ini, satu pekeliling Perbendaharaan mengarahkan semua jabatan kerajaan supaya tidak mengadakan kursus dan seminar di hotel-hotel sebagai langkah berjimat cermat.

Kamaruddin berkata, dengan arahan menarik semula pekeliling itu ia telah melegakan pengusaha hotel yang terjejas dan terpaksa menanggung kerugian besar.

Katanya, kebanyakan hotel berkenaan kembali menawarkan pakej istimewa kepada jabatan kerajaan untuk penganjuran kursus dan seminar.

- Bernama

Diesel RM30,000 dirampas, seorang ditahan



Seorang pegawai polis ASP Mohd. Haris Jambul menunjukkan saluran tangki penyimpanan minyak diesel pada sebuah lori yang berjaya di tahan semasa Ops Octops Khas di Kota Kinabalu, semalam.

KOTA KINABALU 8 Sept. - Polis marin menahan seorang warga tempatan dan merampas 2,000 liter diesel bernilai kira-kira RM30,000 dari sebuah lori di Penampang, dekat sini, malam semalam.

Pegawai Pemerintah Pangkalan Polis Marin Kota Kinabalu, Asisten Supritendan Fauzi Ibrahim berkata, lori berkenaan ditahan pada pukul 4 pagi dalam Operasi Octopus yang dilakukan di sekitar Penampang.

"Dipercayai diesel ini diperoleh dari stesen minyak sekitar Kota Kinabalu untuk dibawa masuk ke kawasan pedalaman kerana minyak di kawasan itu boleh dijual dengan harga yang lebih mahal," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Fauzi berkata, suspek berusia 35 tahun yang juga pemandu lori tersebut kini ditahan di Balai Polis Penampang untuk siasatan lanjut. Katanya, suspek boleh didakwa mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tambah beliau, bagi memastikan kegiatan itu dapat dibanteras, orang ramai perlu sentiasa kerjasama dengan polis dalam menyalurkan maklumat mengenai sebarang kegiatan penyeludupan di tempat mereka.

9/9/2008 (Selasa)

Malaysia penerima terbesar dana pendidikan UK

Oleh ROHANI IBRAHIM



MOHAMED Khaled Nordin menyampaikan dana bagi membiayai projek kerjasama dengan universiti United Kingdom kepada Prof. Ahmad Shukri Mustafa Kamal di Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur, semalam sambil diperhatikan oleh Boyd McCleary (kiri).

KUALA LUMPUR 8 Sept. - Malaysia menjadi penerima terbesar dana Projek Inisiatif Pendidikan Antarabangsa Perdana Menteri, Tony Blair dengan RM7 juta daripada RM28 juta peruntukan dana itu disalurkan kepada institusi pengajian tinggi di negara ini.

Malaysia mengatasi beberapa negara lain termasuk China, Jepun dan Singapura untuk menjadi penerima terbesar dana berkenaan.

Sejumlah 16 institusi pengajian tinggi awam dan swasta negara terpilih untuk menerima 34 geran dana berkenaan dengan 25 geran adalah untuk kerjasama penyelidikan, lapan geran untuk program kolaborasi dan satu projek penghantaran pelajar dari United Kingdom (UK) ke Malaysia.

Penyampaian replika cek kepada wakil daripada 16 institusi pengajian tinggi terpilih itu disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Boyd McCleary di Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur di sini hari ini.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan-Naib Canselor Akademik dan Perhubungan Antarabangsa Universiti Sains Malaysia (USM) Prof. Ahmad Shukri Mustafa Kamal.

Antara 16 institusi tempatan yang terpilih untuk bekerjasama dengan 23 institusi pengajian tinggi di UK ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Turut terpilih ialah Kolej Universiti Antarabangsa INTI, Universiti Multimedia, Kolej Universiti Antarabangsa Nilai, Kolej Universiti Sunway dan Kolej Antarabangsa Unity.

Sementara universiti di UK yang akan bekerjasama dengan universiti tempatan ialah Coventry University, University of Nottingham, University of Cambridge dan University of Glasgow.

Mohamed Khaled dalam ucapannya berkata, pencapaian tersebut adalah pengiktirafan kepada keupayaan universiti-universiti di Malaysia.

"Pencapaian ini juga akan mengukuhkan lagi hubungan dua hala yang sedia terjalin antara Malaysia dan UK khususnya dalam bidang pengajian tinggi," katanya.

Beliau turut mengingatkan para penyelidik tempatan menggunakan peluang kerjasama itu untuk berkongsi pengalaman pengurusan penyelidikan bersama pakar-pakar di UK.

"Kerjasama ini juga adalah selaras dengan matlamat Malaysia untuk membawa sistem pendidikan negara ini ke tahap antarabangsa sekali gus menjadi sebuah pusat pendidikan antarabangsa," jelasnya.

Sementara itu, McCleary dalam ucapannya berkata, bidang pendidikan sememangnya menjadi keutamaan dalam kepimpinan Blair.

"Malaysia terpilih sebagai penerima terbesar dana tersebut kerana penyelidikannya yang berkualiti tinggi," katanya.



10/9/2008 (Rabu)

Syarikat di Malaysia mulai sedar nilai aset harta intelek

KUALA LUMPUR 9 Sept. - Kebanyakan syarikat di Malaysia mulai sedar tentang peranan penting yang dimainkan oleh aset harta intelek (IP) dalam menjana hasil dan mencipta nilai dalam ekonomi globalisasi berlandaskan pengetahuan.

Bagaimanapun, banyak lagi yang boleh dilakukan oleh syarikat-syarikat ini untuk memelihara sepenuhnya inovasi dan memanfaatkan hak IP masing-masing, kata David Llewelyn, Timbalan Pengerusi dan Pengarah Luar IP Academy Singapore.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan berhubung 'Global Forum on Intellectual Property (GFIP) 2009 (Forum Global tentang Harta Intelek (GFIP) 2009)' yang akan diadakan di Singapura pada 8 dan 9 Januari depan, bertema 'Ekosistem Harta Intelek yang Berevolusi: Konflik atau Konsensus?'

Menurut Llewelyn, tema itu relevan kerana perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia terus berkembang dan menceburi pasaran antarabangsa.

"Harta intelek akan membantu syarikat-syarikat ini melindungi produk dan jenama masing-masing apabila menceburi pasaran-pasaran baru," katanya.

Llewelyn berkata, bagi mencipta IP sendiri PKS di Malaysia perlu berfikir jauh ke hadapan sebelum memulakan perniagaan, dengan mendaftarkan jenama masing-masing serta menggunakan daya cipta untuk menambah nilai kepada produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

"Ini adalah isu-isu penting bagi kalangan perniagaan dan pembuat dasar dalam pasaran seperti Malaysia," katanya.

"PKS di Malaysia perlu memberi perhatian serius kepada isu IP bagi memajukan dan melindungi diri dalam pasaran global yang mencabar dan sengit persaingannya," ujar beliau.

GFIP 2009, anjuran IP Academy Singapore, dijangka menarik kira-kira 500 peserta, termasuk pengamal IP, ahli fikir dan ahli akademik IP, ahli perniagaan, peserta industri dari pelbagai segmen pasaran dan pembuat dasar dari seluruh dunia.

Forum itu akan menjadi platform bagi mempertimbang dan membincangkan isu-isu penting dan perkembangan dalam ekosistem IP global yang dinamis dan rumit, dengan tujuan menaikkan penanda aras bagi pengetahuan dan standard IP, di peringkat serantau dan global.

Lebih 30 sesi tumpuan khas dan meja bulat akan diadakan untuk membincangkan aspek perundangan, perniagaan dan kewangan IP di seluruh dunia.

"Ini selaras dengan objektif kita untuk mengubah kedudukan IP dari sudut pemasaran dan perundangan, kepada kedudukan sebagai isu utama dan penting bagi pengurusan tertinggi," kata Llewelyn.

"PKS perlu mengkaji cara-cara mereka boleh melindungi, memanfaatkan dan menguruskan aset IP masing-masing dengan lebih baik," katanya.

yang berminat mendapatkan maklumat lanjut tentang forum ini boleh melayari laman web www.globalforumip.com.



10/09/2008 (Rabu)

RM1 juta kos selenggara Perdana Executive

Oleh SAHBULAH DARWI

JOHOR BAHRU 9 Sept. - Kerajaan negeri membelanjakan hampir RM1 juta bagi menyenggara 15 kereta rasmi kerajaan negeri jenis Proton Perdana Executive bagi tempoh empat tahun sejak 2005.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, kenderaan itu digunakan oleh beliau, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Mohd. Ali Hassan, Exco-exco kerajaan negeri dan pegawai-pegawai kerajaan negeri.

"Kos keseluruhan penyenggaraan itu adalah RM962,261 dalam tempoh empat tahun.

"Kos penyenggaraan pada tahun 2008 sebanyak RM341,268, 2007 (RM345,502), 2006 (RM169,163) dan 2005 (RM133,651)," katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bentayan, Gwee Tong Hiang** dan **ADUN Sungai Abong, Sheikh Ibrahim Salleh** pada persidangan DUN Ke-12 di sini hari ini.

Abdul Ghani berkata, kenderaan tersebut adalah dengan nombor pendaftaran JDT 1 hingga JDT 13 dan JCS 1 dan JCS 2 yang dibeli pada tahun 2004 hingga 2006 dengan harga kira-kira RM117,000 sebuah.

Mengenai soalan lain, Abdul Ghani berkata, seramai 48 orang kakitangan kerajaan negeri ditahan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana terbabit dalam rasuah pada tahun 2007.

Menurutnya, daripada jumlah itu seramai 37 orang telah didakwa di mahkamah.

"Bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun ini, sebanyak 41 orang telah ditangkap dan 22 orang telah didakwa di mahkamah atas kesalahan rasuah," jelasnya.



11/9/2008 (Khamis)

Pelan konkrit JPS atasi banjir

Oleh Zaini Raban

KAMPUNG GAJAH 10 Sept. - Masalah banjir yang sering melanda beberapa buah kampung yang terletak berhampiran dengan Sungai Perak di sini perlu diatasi dengan langkah jangka panjang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak. Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kampung Gajah, Dr. Wan Norashikin Wan Noordin berkata, pelbagai langkah perlu diambil oleh pihak JPS bagi menyelesaikan masalah tersebut.

"Kalau JPS hendak mengelak banjir ini daripada terus berlaku satu kajian teliti perlu dilakukan kerana jika setakat membina ban sepanjang sungai, saya fikir langkah itu tidak akan berkesan.

"Ia akan memakan kos yang tinggi tambahan pula ban yang dibina tidak akan tahan lama kerana paras air akan sentiasa meningkat dari setahun ke setahun. "Jadi JPS kena ada satu pelan konkrit untuk mengatasi masalah banjir di kawasan ini. Kita amat simpati dengan nasib penduduk di sini," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan keperluan harian kepada 45 keluarga mangsa banjir di Kampung Bandar di sini hari ini. Turut terlibat dalam kejadian banjir itu ialah penduduk Kampung Bandar Tua, Kampung Air Hitam, Kampung Kuala Parit dan Kampung Jeneris.

Wan Norashikin yang juga Ketua Puteri UMNO Perak berkata, salah satu lagi jalan penyelesaian yang dicadangkan oleh pihaknya ialah dengan

memindahkan penduduk terbabit. Kata beliau, langkah berkenaan walaupun agak sukar dilaksanakan tetapi ia merupakan sebahagian alternatif yang harus diambil demi kesejahteraan penduduk.

Jelasnya, usaha memindahkan penduduk itu hanya boleh diambil dengan persetujuan penduduk terlibat sekiranya mereka ingin menghadapi kehidupan lebih selesa dan selamat. "Bagaimanapun saya tahu penduduk di sini cukup tabah dalam menghadapi cabaran, sudah sepuluh hari mereka tinggal di rumah yang dinaiki air tetapi mereka masih boleh bersabar," katanya.



13/09/2008 (Sabtu)

Sistem e-Tanah di Pulau Pinang tahun depan

KEPALA BATAS 12 Sept. - Sistem e-Tanah yang kini lebih 90 peratus siap dibangunkan dijangka diguna pakai sepenuhnya di Pulau Pinang mulai tahun depan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas berkata, sistem ini yang dilaksanakan secara perintis di daerah Seberang Perai Utara (SPU), akan diperluaskan ke seluruh negara secara berperingkat kemudiannya.

Katanya, sistem berkenaan bertujuan meningkatkan perkhidmatan dan penyampaian kerajaan kepada masyarakat dalam urusan tanah secara atas talian.

"Saya berpuas hati terhadap kemajuan fizikal sistem itu setakat ini dan berharap ia dapat distabilkan akhir tahun ini sebelum mula digunakan tahun depan," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai projek perintis e-tanah di Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Utara di sini hari ini.

Menurut Douglas, kementeriannya melancarkan program e-Tanah pada tahun 2005 dan dua daripada sembilan modul yang dibangunkan dalam sistem tersebut iaitu pendaftaran dan hasil telah mula digunakan di semua daerah di Pulau Pinang sejak 2007.

Katanya, pelaksanaan sistem e-Tanah ini dijangka dapat mengurangkan masa menunggu pelanggan untuk berurusan daripada sejam kepada lima hingga 10 minit sahaja.

Beliau memberitahu, pelanggan hanya perlu berurusan di sebuah kaunter sahaja dan tidak perlu bergerak ke kaunter-kaunter lain bagi menjimatkan masa.

"Melalui portal awam e-Tanah, pelanggan yang hendak membayar cukai tanah atau mengetahui status permohonan boleh dibuat secara atas talian. Mereka juga boleh memberikan komen, aduan atau cadangan," katanya.

Menurutnya, apabila sistem ini beroperasi sepenuhnya kelak, ia dijangka menjimatkan masa dan aliran kerja sehingga 50 peratus daripada tempoh sebelumnya.

Pada ketika ini, Douglas berkata, proses pembersihan data sedang giat dijalankan di Pulau Pinang bagi memastikan data-data yang dipindahkan daripada Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) yang terdahulu dapat digunakan dalam sistem e-Tanah ini.

Ujarnya, dalam proses memindahkan data itu, kira-kira 59,000 data bermasalah dari SPTB telah dikesan di Pulau Pinang.



14/09/2008 (Ahad)

Perdana V6 - dua pemilik bengkel mengaku tidak bersalah

KUALA TERENGGANU 14 Sept. - Dua pemilik bengkel kereta mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen berasingan di sini hari ini, atas lima tuduhan membuat tuntutan palsu kepada kerajaan Terengganu berhubung pembekalan kotak gear Proton Perdana V6 Executive yang digunakan oleh Exco.

Tor Kok Siong, 52, dan Choong Yuen Sang, 48, dituduh membuat tuntutan tersebut kesemuanya bernilai RM91,350.64 bagi tujuan penggantian kotak gear lima buah Perdana V6 antara November 2006 hingga Jun lalu, sedangkan kotak gear itu adalah yang asal dan tiada penggantian dilakukan.

Kok Siong, pemilik bengkel kereta di Jalan Bukit Kechil di sini menghadapi empat tuduhan membuat tuntutan palsu bernilai RM72,230.73 dan meminta

dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim M. Bakri Abd. Majid.

Dalam mahkamah berasingan, Choong Yuen Sang, 48, pemilik bengkel kereta di Chendering pula menghadapi satu tuduhan serupa bernilai RM19,119.91 dan membuat permohonan untuk dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohammad Khalid Ab. Karim.

Mengikut fakta kes, Kok Siong dituduh memberikan invois CI No. 77456 mengandungi butir palsu mengenai pembekalan sebuah pc Auto Transmission V6 berjumlah RM18,057.68 untuk kenderaan bernombor pendaftaran TAG 7979 kepada Pegawai Eksekutif Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Terengganu, Hashim Abdul Rahman pada Ogos 2007.

Dia juga dituduh menyerahkan invois CI No. 78528 mengandungi butir palsu mengenai pembekalan sebuah Auto Transmission V6 MD 9739975 berjumlah RM18,057.68 bagi Perdana V6 TT 3 kepada Pegawai Tadbir Pejabat SUK, A. Rahim Jusoh pada Jun lalu.

Bagi tuduhan ketiga, Kok Siong dituduh menyerahkan invois CI No. 75548 mengandungi butiran palsu mengenai pembekalan sebuah pc Auto Transmission V6 NOKP4A23-UPP3VO9608 berjumlah RM18,057.69 bagi Perdana V6 TT 7 kepada pegawai sama pada November 2006.

Dia turut dituduh menyerahkan invois CI 75982 mengandungi butir palsu mengenai pembekalan sebuah pc Auto Transmission V6 berjumlah RM18,057.68 bagi kereta Perdana V6 TAG 8778 kepada Penolong SUK (Am/Kew), Zulkifly Isa pada November 2006.

Sementara itu, Yuen Sang pula dituduh menyerahkan invois bernombor 3147 mengandungi butir palsu mengenai pembekalan satu set Auto Transmission Assy (New) berjumlah RM19,119.91 bagi Perdana V6 TAK 415 kepada Hashim pada 2 Ogos 2007.

Kedua-dua pemilik bengkel itu dituduh melakukan kesemua perbuatan itu di pejabat Dewan Undangan Negeri Terengganu dan mereka telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 11 (c) Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Sabit kesalahan kedua-duanya boleh dihukum di bawah Seksyen 16 akta sama yang boleh dipenjarakan tidak kurang 14 hari dan tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwaraya Mohd. Sofian Zakaria manakala Kok Siong dan Yuen Sang masing-masing diwakili peguam Osman Bakar dan Siti Saleha Mohd. Tahir.

Mohd. Sofian meminta supaya kedua-dua tertuduh diikat jamin RM20,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin.

Namun Hakim M. Bakri menetapkan Kok Siong diikat jamin RM5,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin manakala Hakim Mohammad Khalid menetapkan ikat jamin RM7,000 serta seorang penjamin terhadap Yuen Sang.

Mahkamah kemudiannya masing-masing menetapkan 23 dan 24 Disember ini bagi perbicaraan ke atas Kok Siong manakala 14 Disember ini bagi perbicaraan ke atas Yuen Sang. - Utusan